

TERMA DAN SYARAT

AgroGold Account-i ("AGA-i")

Terma dan syarat ini ("Terma dan Syarat") sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa menetapkan terma dan syarat yang mengawal AgroGold Account-i anda dengan AGROBANK ("Bank"). Dengan membuka dan menggunakan AgroGold Account-i anda, anda dianggap menerima dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini serta sebarang pindaan daripadanya. Sila baca dokumen ini dengan teliti.

1. DEFINISI

"Ejen" bermaksud pelantikan Bank sebagai ejen kepada anda dan pembekal emas.

"AgroGold Account-i" atau **"AGA-i"** bermaksud AgroGold Account-i yang didaftarkan atas nama anda untuk melaksanakan sebarang urusan niaga emas.

"AGROBANK atau Bank" bermaksud Bank Pertanian Malaysia Berhad dan termasuk cawangannya serta pengganti hak milik dan penyerahkannya.

"Agronet" bermaksud perkhidmatan perbankan internet yang disediakan oleh Bank dan boleh diakses melalui internet, peranti mudah alih atau mana-mana medium elektronik lain yang diluluskan oleh Bank, tertakluk kepada terma dan syarat berkaitan penggunaannya.

"Akaun Bersama" bermaksud AGA-i yang dibuka atas beberapa nama dengan jumlah tidak melebihi lima (5) orang.

"Akaun Simpanan (SA)" bermaksud Akaun Deposit Simpanan aktif yang dibuka dan dikekalkan oleh pelanggan dengan Agrobank.

"Anda" bermaksud pemegang akaun yang dinamakan dalam AGA-i, termasuk pengganti hak milik dan penerima serah hak yang dibenarkan.

"Bawah Umur" bermaksud individu di bawah umur 18 tahun.

"BNM" bermaksud Bank Negara Malaysia.

"Had Transaksi Belian" bermaksud had maksimum pembelian terkumpul sebanyak 1,000 gram emas sehari bagi setiap AGA-i.

"Had Transaksi Jualan" bermaksud had maksimum penjualan terkumpul sebanyak 1,000 gram emas sehari bagi setiap AGA-i.

"Harga Belian Pelanggan" bermaksud harga bagi urusan niaga di mana anda membeli emas daripada pembekal emas (dari perspektif pembekal emas sebagai penjual).

"Harga Jualan Pelanggan" bermaksud harga bagi urusan niaga di mana anda menjual emas kepada pembekal emas (dari perspektif pembekal emas sebagai pembeli).

"Hari Perniagaan" bermaksud waktu operasi perniagaan biasa pada hari kalendar di mana Agrobank beroperasi di Malaysia (tidak termasuk cuti umum).

"Jongkong Emas Fizikal" bermaksud penulenan emas dengan reka bentuk khas dalam pelbagai berat dan saiz, serta ditanda dengan butiran seperti nama pengeluar, berat, ketulenan 999.9, nombor siri dan diakreditasi oleh *London Bullion Market Association (LBMA)*.

"Jongkong Emas Fizikal Khas" bermaksud produk emas fizikal dengan ketulenan 999.9 seberat 1,000 gram setiap jongkong yang dihasilkan oleh kilang penulenan emas. Ia berbentuk jongkong

dengan reka bentuk ringkas serta diakreditasi oleh *London Bullion Market Association (LBMA)*.

"Luar Waktu Puncak" bermaksud masa urusan niaga dari pukul 6.00 petang sehingga 11.59 malam pada hari Isnin sehingga Jumaat dan dari 8.30 pagi sehingga 11.59 malam pada hujung minggu dan cuti awam.

"PDPA" bermaksud Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 serta peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan di bawahnya.

"Penandatanganan Yang Dibenarkan" bermaksud individu yang diberi mandat/pengiktirafan oleh anda atau pihak lain (bagi pemegang akaun bersama) untuk mengurus dan mengendalikan AGA-i.

"Penyedia Penyimpanan" bermaksud penyedia perkhidmatan peti simpanan keselamatan yang bereputasi sebagaimana diluluskan oleh Bank mengikut budi bicara untuk menyimpan emas yang dibeli dan dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

"Penukaran Emas" bermaksud penebusan Jongkong Emas Fizikal Khas dan/atau Jongkong Emas Fizikal daripada AGA-i anda.

"Pembekal Emas" bermaksud **GO CAPITAL GROWTH SDN. BHD** (No. Pendaftaran Syarikat 880690-K) atau mana-mana pembekal emas yang bereputasi, bertauliah dan diluluskan serta dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

"Pembelian Permulaan" bermaksud pembelian awal yang dibuat oleh anda semasa pembukaan akaun AGA-i.

"Pihak Berkuasa" termasuk tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Polis atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau pengawal selia sama ada tempatan atau antarabangsa.

"Pindaan" bermaksud sebarang variasi, tambahan, pemotongan, pengubahsuaian atau pindaan yang akan mengikat anda.

"Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram" bermaksud semua undang-undang dan peraturan yang terpakai berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan hasil daripada aktiviti haram termasuk Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

"RM" bermaksud Ringgit Malaysia.

Terma & Syarat (T&S)" bermaksud terma dan syarat yang diperuntukkan dalam dokumen ini dan termasuk sebarang pindaan, variasi dan tambahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh AGROBANK dengan notis terlebih dahulu serta terpakai kepada semua akaun melainkan jika terdapat terma khusus bagi jenis akaun tertentu yang bercanggah.

"Waktu Puncak" bermaksud masa urusan niaga dari pukul 8.30 pagi sehingga 5.59 petang pada Isnin sehingga Jumaat

2. KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNAPAKAI

2.1 Anda mengakui bahawa kontrak Syariah yang digunakan adalah seperti berikut:

- a) **Wakalah:** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*), melantik pihak lain sebagai ejennya (*wakil*) untuk melaksanakan sesuatu tugas dalam perkara yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa bayaran. Skop Wakalah adalah seperti dinyatakan dalam Klausula 3.
- b) **Bai' Sarf:** merujuk kepada kontrak pertukaran wang dengan wang, sama ada daripada jenis yang sama atau berbeza. Wang dalam konteks ini boleh berupa mata wang, emas, perak, atau bentuk lain yang diiktiraf oleh Syariah. Pihak-pihak dalam kontrak boleh melantik ejen untuk melaksanakan pertukaran serta menguruskan pemilikan atau penyerahan mata wang bagi pihak mereka. Bank, sebagai ejen anda, memudahcara urus niaga pembelian atau penjualan emas bagi pihak anda daripada atau kepada pembekal emas.
- c) **Wadi'ah:** merujuk kepada aset yang ditempatkan kepada pihak lain untuk tujuan penyimpanan. Bank dilantik sebagai ejen anda untuk memudahcara penyimpanan emas anda melalui perkhidmatan yang disediakan oleh Penyedia Penyimpanan.
- d) **Hibah:** merujuk kepada pemindahan hak milik sesuatu aset. Anda boleh menerima emas sebagai hibah daripada Bank tanpa sebarang kewajipan untuk membayar. Selain itu, anda juga mempunyai pilihan untuk memberikan emas anda sebagai hibah kepada pemegang akaun AGA-i yang lain.
- e) **Mubadalah Zahab bi Zahab Ma'al Ujrah:** merujuk kepada konsep Syariah yang digunakan bagi Caj Penukaran. Penukaran Emas dilakukan dengan menukar pemilikan gram (berdasarkan Musyaf) dalam jongkong emas kepada emas fizikal lain yang telah diperuntukkan, dibentuk dan dibungkus untuk dihantar kepada pelanggan.

3. SKOP EJEN (WAKALAH)

- 3.1 **Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*), memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya (*wakil*) untuk melaksanakan sesuatu tugas dalam perkara yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa bayaran.
- 3.2 **Wakalah** adalah konsep Syariah yang digunakan bagi AGA-i berhubung dengan peranan berikut: -
 - a) Pelantikan Bank sebagai ejen anda, di mana Bank bertanggungjawab untuk mengurus dan mengendalikan AGA-i anda yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada memudahcara urus niaga beli dan jual emas, Penukaran Emas, Pemindahan Emas daripada seorang pemegang akaun kepada pemegang akaun yang lain, serta penyimpanan emas bagi pihak anda.
 - b) Pelantikan Bank sebagai ejen kepada Pembekal Emas, di mana Bank bertanggungjawab untuk memudahcara transaksi AGA-i seperti jual, beli dan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan AGA-i bagi pihak Pembekal Emas.

3.3 Tanggungjawab Bank terhadap anda adalah terhadap semata-mata kepada sebarang perbuatan cuai atau kelalaian oleh Bank berhubung dengan peranannya sebagai ejen.

4. PEMBUKAAN AKAUN

- 4.1 Untuk membuka AGA-i, anda dikehendaki melengkapkan dan mengemukakan borang yang ditetapkan serta sebarang dokumen lain sebagaimana yang diperlukan oleh Bank bagi tujuan operasi AGA-i. Bagi permohonan yang dibuat oleh syarikat, surat arahan yang ditandatangani oleh penandatanganan yang diberi kuasa oleh pemohon boleh diminta oleh Bank.
- 4.2 AGA-i adalah layak untuk kategori berikut: -
 - a) Individu (Warganegara Malaysia, Pemastautin & Bukan Pemastautin)
 - Berumur 18 tahun dan ke atas
 - Akaun Bersama, Akaun Amanah (Bagi individu di bawah 18 tahun, ibu bapa atau penjaga yang dilantik oleh mahkamah akan bertindak sebagai pemegang amanah)
 - b) Bukan Individu (Berdaftar di Malaysia)
 - Pemilik Tunggal, Perkongsian, Syarikat Sendirian Berhad atau Berhad, Agensi Kerajaan, Persatuan dan Pertubuhan
- 4.3 Dengan memohon untuk membuka AGA-i, anda mengesahkan bahawa anda telah membaca dan memahami Helaian Pendedahan Produk (PDS) yang berkaitan dengan produk AGA-i.
- 4.4 Anda dikehendaki mempunyai Akaun Simpanan sebelum membuka AGA-i. Akaun Simpanan tersebut hendaklah dikekalkan bagi memudahcara penyelesaian atau pembayaran emas yang dibeli, dijual, ditukar, fi, caj dan/atau sebarang transaksi berkaitan AGA-i.
- 4.5 Akaun Bersama adalah terpakai untuk AGA-i yang terdiri daripada beberapa nama tidak melebihi lima (5) orang. Sama ada kedua-dua atau mana-mana seorang Pemegang Akaun Bersama boleh menjadi Penandatanganan Yang Dibenarkan.
- 4.6 Sebagai Pemegang Akaun Bersama, anda memahami bahawa semua obligasi, kuasa, autoriti dan liabiliti yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini adalah mengikat ke atas Pemegang Akaun Bersama, secara bersama dan berasingan.
- 4.7 Kuasa yang diberikan kepada Penandatanganan Yang Dibenarkan untuk mengendalikan Akaun Bersama termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:
 - a) membeli, menjual, menukar dan/atau memindahkan AGA-i;
 - b) meneruskan dan menutup Akaun Bersama;
 - c) menggunakan mana-mana perkhidmatan elektronik yang dari semasa ke semasa disediakan oleh Bank tertakluk kepada terma dan syarat serta pembayaran semua fi, kos atau perbelanjaan berkaitan daripada Akaun Bersama;
 - d) menyediakan sebarang surat ikatan tanggungan bertulis yang diperlukan oleh Bank berhubung dengan pengendalian Akaun Bersama atau mana-mana perkara di atas;
 - e) secara amnya, kuasa untuk memohon, membatalkan, mengubah atau melakukan apa-apa jua perkara yang

berkaitan dengan mana-mana perkara yang disebut di atas;

- 4.8 Pemegang Akaun Bersama adalah tanggungjawab secara bersama dan berasingan terhadap semua transaksi yang timbul daripada arahan yang diberikan oleh Penandatanganan Yang Dibenarkan berhubung dengan Akaun

5. PEMBELIAN EMAS PELANGGAN

- 5.1 Seperti yang dinyatakan dalam Skop Wakalah di atas, Bank akan memudahcara urus niaga pembelian emas daripada Pembekal Emas bagi pihak anda selaras dengan terma dan syarat ini.
- 5.2 Bank hanya akan menerima arahan urus niaga pembelian emas melalui kaunter pada Hari Perniagaan buat masa ini.
- 5.3 Setelah urus niaga pembelian berjaya, Bank akan merekodkan dalam AGA-i maklumat berikut:
- i. Pemilikan atau nombor siri Jongkong Emas Fizikal Khas
 - ii. Kuantiti emas yang dibeli dalam gram;
 - iii. Harga emas yang dibeli dalam nilai setara RM;
 - iv. Baki emas (dalam gram) pada masa arahan pembelian emas dibuat.
- 5.4 Anda mengakui dan bersetuju bahawa anda hanya dibenarkan untuk melakukan pembelian dalam had *Buy Transaction Limit*. Bank berhak untuk membatalkan, menarik balik, mengembalikan semula atau membatalkan mana-mana pembelian anda yang melebihi *Buy Transaction Limit*. Transaksi yang melebihi *Buy Transaction Limit* adalah tertakluk kepada kelulusan Bank
- 5.5 Anda mengakui dan bersetuju bahawa anda hanya dibenarkan untuk melakukan sehingga sepuluh (10) transaksi pembelian sehari.
- 5.6 Sekiranya berlaku gangguan pada sistem teknikal, Bank mempunyai hak untuk menolak pelaksanaan arahan pembelian.
6. **PEMBELIAN PERMULAAN DAN PEMBELIAN BERIKUTNYA MINIMUM**
- 6.1 Anda mengakui bahawa amaun Pembelian Permulaan akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu dua puluh satu (21) hari kalendar.
- 6.2 Anda bersetuju bahawa selepas Pembelian Permulaan, mana-mana pembelian berikutnya oleh anda (seperti yang ditetapkan dalam jadual di bawah) setelah diluluskan oleh Bank adalah tidak boleh dibatalkan.

Pelanggan	Pembelian Permulaan	Pembelian Seterusnya
Individu / Akaun Bersama	Minimum RM10 atau 0.1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa	Minimum RM10 atau 0.1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa
Akaun Bukan Individu	Minimum RM100 atau 1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa	Minimum RM10 atau 0.1 gram berdasarkan Harga Belian Pelanggan semasa

7. PENJUALAN EMAS PELANGGAN

- 7.1 Seperti yang dinyatakan dalam Skop Wakalah di atas, Bank akan memudahcara urus niaga penjualan emas anda kepada Pembekal Emas bagi pihak anda selaras dengan terma dan syarat ini.
- 7.2 Anda mestilah mengemukakan borang atau dokumen yang telah lengkap diisi dan ditandatangani sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank bagi tujuan penjualan emas.
- 7.3 Bank hanya akan menerima transaksi jualan emas anda melalui kaunter bank pada Hari Perniagaan buat masa ini.
- 7.4 Setelah penjualan anda berjaya, Bank akan merekodkan dalam AGA-i maklumat berikut:
- i. Kuantiti emas yang dijual dalam gram;
 - ii. Harga emas yang dijual dalam nilai setara RM;
 - iii. Harga emas yang dijual setiap gram dalam RM; dan
 - iv. Baki emas (dalam gram), jika ada, dalam AGA-i.
- 7.5 Sekiranya penjualan anda tidak berjaya dan/atau tidak lengkap, Bank berhak untuk menanda, menahan atau mendebit/mengkredit amaun belian daripada akaun AGA-i atau Akaun Simpanan anda mengikut cara yang ditentukan atas budi bicara munasabah Bank.
- 7.6 Anda mengakui dan bersetuju bahawa anda hanya dibenarkan untuk melakukan penjualan dalam had *Sell Transaction Limit*. Bank berhak untuk membatalkan, menarik balik, mengembalikan semula atau membatalkan mana-mana penjualan anda yang melebihi *Sell Transaction Limit*.
- 7.7 Anda mengakui dan bersetuju untuk memaklumkan kepada Bank dengan notis awal tiga (3) Hari Perniagaan bagi urus niaga penjualan yang melebihi *Sell Transaction Limit* dan tertakluk kepada kelulusan Bank.
- 7.8 Anda mengakui dan bersetuju bahawa anda hanya dibenarkan untuk melakukan sehingga sepuluh (10) transaksi penjualan sehari.
- 7.9 Arahan penjualan akan dihadkan kepada kuantiti sebenar emas dalam AGA-i. Bank berhak untuk menolak arahan penjualan sekiranya baki emas tidak mencukupi.
- 7.10 Hasil penjualan emas dalam nilai RM akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan anda selepas penjualan selesai atau pada Hari Perniagaan yang sama.
- 7.11 Anda mengakui dan bersetuju untuk menyerahkan dan menyerahkan semula nombor siri Jongkong Emas Fizikal Khas untuk manfaat anda.
- 7.12 Sekiranya berlaku gangguan sistem teknikal, Bank berhak untuk menolak pelaksanaan arahan penjualan.

8. HARGA BELIAN DAN HARGA JUALAN PELANGGAN

- 8.1 Harga emas untuk **pembelian** oleh anda adalah **Harga Belian Pelanggan** dalam RM bagi setiap gram sebagaimana yang dinyatakan oleh Bank berdasarkan harga emas semasa pada waktu transaksi.
- 8.2 Harga emas untuk **penjualan** oleh anda adalah **Harga Jualan Pelanggan** dalam RM bagi setiap gram sebagaimana yang dinyatakan oleh Bank berdasarkan harga emas semasa pada waktu transaksi.
- 8.3 Harga emas bergantung kepada pergerakan pasaran emas dan berbeza semasa **Waktu Puncak** dan **Luar**

Waktu Puncak. Harga Luar Waktu Puncak adalah berdasarkan Harga Emas Antarabangsa dan Harga Penutup USD-MYR.

- 8.4 Anda mengakui bahawa *Harga Belian dan Jualan Pelanggan* semasa akan dimaklumkan kepada anda setelah anda membuat pengesahan untuk membeli atau menjual emas.

9. PENYIMPANAN AKAUN EMAS

- 9.1 Anda melantik Bank untuk bertindak sebagai ejen anda bagi mengenal pasti dan mengatur penyimpanan emas anda sama ada di peti simpanan Bank atau dengan pihak ketiga iaitu Penyedia Penyimpanan bagi emas yang anda beli daripada Bank.
- 9.2 Anda tidak akan menuntut Bank untuk bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kos, caj, liabiliti dan perbelanjaan (sama ada akan datang atau bersyarat) akibat daripada kecuaiannya oleh Penyedia Penyimpanan.
- 9.3 Bank hanya bertindak sebagai ejen anda untuk memudahkan penyimpanan emas melalui perkhidmatan yang disediakan oleh Penyedia Penyimpanan. Oleh itu, tanggungjawab Bank terhadap anda hanya terhad kepada sebarang perbuatan cuai atau kelalaian oleh Bank berhubung dengan peranan Bank sebagai ejen di sini.

10. PEMINDAHAN EMAS

- 10.1 Anda mengakui dan bersetuju bahawa Bank membenarkan anda untuk memindahkan baki emas yang ada dalam gram daripada AGA-i anda kepada AGA-i lain dalam Bank.
- 10.2 Anda mengakui dan bersetuju bahawa sebarang pemindahan emas yang dibuat oleh anda menurut klausa ini akan dilaksanakan dengan cara yang tidak bercanggah dengan prinsip Syariah.
- 10.3 Anda mengakui dan bersetuju untuk memberikan tujuan pemindahan tersebut kepada Bank.
- 10.4 Setelah Bank menerima arahan anda untuk pemindahan emas, Bank akan mengemas kini AGA-i anda sewajarnya.

11. PENUKARAN EMAS (TEBUSAN JONGKONG EMAS FIZIKAL)

- 11.1 Anda boleh menukar emas dalam AGA-i kepada emas fizikal iaitu Jongkong Emas Fizikal Khas dan/atau Jongkong Emas Fizikal.
- 11.2 Bank tidak menyediakan penukaran semula emas fizikal kepada AGA-i. Namun demikian, pelanggan boleh menjual emas fizikal mereka melalui saluran luar dan seterusnya membeli emas melalui AGA-i pada harga pasaran semasa.
- 11.3 Setelah Bank menerima arahan anda bagi Penukaran Emas, Bank akan mengemaskini AGA-i anda sewajarnya.
- 11.4 Semua permintaan untuk penebusan kepada emas fizikal akan diatur dan dihantar oleh Pembekal Emas melalui Perkhidmatan Kurier atau perkhidmatan penghantaran khas ke alamat yang telah anda tetapkan. Oleh itu, anda dengan ini memahami dan bersetuju untuk pendedahan semua maklumat berkaitan iaitu nama benefisiari, alamat surat-menyurat dan nombor telefon kepada Pembekal Emas.

- 11.5 Anda bersetuju dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebitkan fi dan caj yang berkaitan dengan Penukaran Emas sebagaimana dinyatakan dalam Klausa 14 daripada Akaun Simpanan anda.

- 11.6 Pembekal Emas akan melantik syarikat kurier berdaftar untuk menghantar Jongkong Emas Fizikal kepada benefisiari.

- 11.7 Sekiranya emas fizikal yang dihantar didakwa palsu, dan/atau defektif (termasuk emas berkualiti rendah), anda hendaklah membuat laporan polis dan membuat aduan kepada Bank dalam tempoh tiga (3) Hari Perniagaan daripada tarikh jangkaan penghantaran. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang calar kecil atau bintik gelap pada emas fizikal adalah bukan kerosakan material.

- 11.8 Pembekal Emas hendaklah menggantikan emas fizikal kepada anda dalam tempoh antara sepuluh (10) hingga lima belas (15) Hari Perniagaan daripada tarikh penerimaan aduan bertulis anda oleh Bank yang disokong dengan laporan polis yang dikemukakan oleh anda kepada Bank serta sebarang dokumen sokongan lain sebagaimana yang mungkin diperlukan.

- 11.9 Sekiranya anda gagal mengemukakan aduan dalam tempoh yang ditetapkan, Pembekal Emas berhak untuk menolak aduan tersebut tanpa perlu memberikan apa-apa alasan bagi penolakan itu.

12. PENUTUPAN AKAUN

- 12.1 Sekiranya anda ingin menutup AGA-i, anda boleh berbuat demikian dengan menjual semua Emas yang tersedia dalam AGA-i mengikut klausa Penjualan Emas.
- 12.2 Anda juga boleh menutup AGA-i dengan memindahkan semua Emas yang tersedia dalam AGA-i mengikut klausa Pemindahan Emas.
- 12.3 Bank berhak untuk menutup AGA-i anda apabila Bank merasakan munasabah untuk berbuat demikian dengan memberi notis terlebih dahulu dua puluh satu (21) hari kalendar. Jika terdapat baki emas dalam AGA-i, Bank akan menjual emas tersebut menurut terma dan syarat yang difikirkan sesuai oleh Bank. Hasil jualan akan dikreditkan ke Akaun Simpanan pilihan anda. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, jika ada, daripada penjualan Emas tersebut atau sebarang kerugian atau susut nilai.
- 12.4 Bank berhak untuk menutup AGA-i sekiranya tiada baki emas dalam AGA-i bagi tempoh 90 hari berturut-turut tanpa perlu memberikan apa-apa alasan dan/atau notis kepada anda.

13. INDEMNITI

- 13.1 Anda dengan ini bersetuju untuk mengecualikan Bank daripada sebarang liabiliti dan memberi ganti rugi kepada Bank terhadap sebarang kerugian, tuntutan, ganti rugi, kos dan perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung serta dialami oleh Bank akibat tindakan Bank mematuhi arahan anda untuk membeli dan menjual emas atau dalam penguatkuasaan terma dan syarat di sini atau yang ditanggung oleh Bank dalam apa-apa prosiding undang-undang, kecuali jika sebarang kerugian, perbelanjaan, tuntutan, tindakan, ganti rugi atau liabiliti yang anda tanggung berpunca daripada kecuaiannya melampau, penipuan atau salah laku disengajakan oleh Bank.

14. FI DAN CAJ

- 14.1 Anda dengan ini bersetuju untuk membayar kepada Bank semua caj perkhidmatan atau caj transaksi yang berkaitan dengan AGA-i. Caj-caj ini akan didebitkan daripada Akaun Simpanan anda dan/atau mana-mana akaun lain yang anda kekalkan dengan Bank, tanpa notis terlebih dahulu.
- 14.2 Bank akan memaklumkan kepada anda secara bertulis mengenai sebarang perubahan kepada caj yang terpakai bagi AGA-i sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa perubahan tersebut.
- 14.3 Anda hendaklah memastikan dana di dalam Akaun Simpanan anda mencukupi bagi membolehkan Bank mendebit caj yang berkenaan.
- 14.4 Bank diberi kuasa untuk mendebit Akaun Simpanan anda bagi caj Penukaran atau amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 14.5 Caj Penukaran adalah kos untuk menukar emas AGA-i kepada Jongkong Emas Fizikal. Kos ini ditentukan dan dikenakan oleh Pembekal Emas yang dilantik oleh Bank.

Denominasi	Caj (RM)
0.5 gram	33
1 gram	35
5 gram	45
10 gram	85
50 gram	280
100 gram	380
1,000 gram	1,200
1 Dinar (4.25 gram)	65
5 Dinar (21.25 gram)	110

- 14.6 Bank diberi kuasa untuk mendebit Akaun Simpanan anda bagi caj yang berkaitan dengan Caj Perkhidmatan Kurier dan/atau Caj Perkhidmatan Penghantaran Khas, atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa, seperti yang dinyatakan di bawah:

Caj Perkhidmatan Kurier

Butiran	Semenanjung Malaysia	Sabah dan Sarawak
Caj Insurans / Takaful	RM 4 per gram	
Caj Pengendalian	RM 10 setiap keping	
Caj Penghantaran	RM 17 setiap penghantaran	RM 22 setiap penghantaran
Jumlah Gram Setiap Penghantaran (Bungkusan)	Minimum: 1 gram Maksimum: 100 gram	

Caj Penghantaran Khas

Butiran	Semenanjung Malaysia	Malaysia Timur (Sabah & Sarawak)
Caj Perkhidmatan	RM 1,500	RM 2,200

Butiran	Semenanjung Malaysia	Malaysia Timur (Sabah & Sarawak)
Jumlah Gram Setiap Penghantaran (Bungkusan)	Minimum: 1,000 gram Maksimum: 3,000 gram	

- 14.7 Caj Perkhidmatan Kurier dan/atau Caj Perkhidmatan Penghantaran Khas adalah dikenakan oleh Pembekal Emas.
- 14.8 Bank diberi kuasa untuk mendebit Akaun Simpanan anda yang ditetapkan bagi Fi Wakalah sehingga 1.0% setahun berdasarkan nilai purata baki emas dalam AGA-i. Fi Wakalah boleh dikecualikan atas budi bicara Bank.
- 14.9 Sekiranya Bank gagal mendebit Fi Wakalah yang perlu dibayar selama tiga (3) bulan berturut-turut daripada Akaun Simpanan anda yang ditetapkan, anda dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk menjual baki Emas yang ada dalam AGA-i anda bagi menyelesaikan amaun yang perlu dibayar dan memulangkan baki amaun tersebut ke dalam Akaun Simpanan anda yang ditetapkan, sekiranya ada.

15. PERUBAHAN BUTIRAN

- 15.1 Anda hendaklah segera memaklumkan Bank mengenai sebarang perubahan alamat, nombor perhubungan, penandatanganan yang dibenarkan (jika ada) atau butiran lain dengan mengunjungi cawangan Bank. Sekiranya gagal, Bank berhak untuk bergantung kepada butiran terakhir yang diketahui dalam rekodnya.

16. UNDANG-UNDANG

- 16.1 Terma & Syarat ini adalah tertakluk kepada, ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan Undang-undang Malaysia serta peraturan, peraturan kecil dan garis panduan BNM dan pihak berkuasa atau badan berkaitan lain yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

17. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN DAN DATA PERIBADI

- 17.1 Pada bila-bila masa Bank boleh mendedahkan kepada mana-mana pihak yang mungkin memerlukan maklumat tersebut atau akses kepada mana-mana dokumen atau rekod, atau aset atau urusan anda (termasuk akaun anda atau akaun masa hadapan dengan Bank) dengan syarat pihak yang menerima maklumat tersebut daripada Bank boleh dikehendaki untuk memberi akur janji bagi mengekalkan kerahsiaan dokumen, rekod atau maklumat yang diterima.
- 17.2 Anda dengan ini mengakui dan memberi persetujuan bahawa Bank boleh mendedahkan mana-mana dokumen atau rekod, atau maklumat berkenaan Dokumen Sekuriti, Kemudahan, aset atau urusan anda:
- di dalam Bank, berdasarkan keperluan untuk mengetahui (*need-to-know basis*), termasuk kepada kakitangan Bank, individu yang menjalani latihan amali dengan Bank atau individu yang mengikuti program latihan industri dengan Bank;
 - kepada Unit Kredit Pusat, Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) termasuk seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1967 ("ACP")

- bagi tujuan memudahkan pertukaran maklumat serta menurut apa-apa pengaturan atau perjanjian percukaian yang berkuat kuasa di bawah Seksyen 132, Seksyen 132A atau Seksyen 132B ACP;
- c) kepada mana-mana rakan strategik produk dan perkhidmatan perbankan Bank yang terikat dengan kewajipan kerahsiaan bersama Bank;
 - d) kepada mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan atau mana-mana badan kerajaan atau separa kerajaan yang berkaitan di Malaysia yang mempunyai bidang kuasa ke atas mana-mana Pihak atau ke atas Kemudahan (jika perlu);
 - e) kepada mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan atau mana-mana badan kerajaan atau separa kerajaan yang berkaitan di Malaysia di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi tujuan penyiataan suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.
 - f) kepada mana-mana pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuk pihak pembiayaan berkaitan perkhidmatan tersebut) atau penasihat profesional lain Bank (termasuk vendor penyumberan luar, ejen kutipan hutang, juruaudit, peguam, ejen, perunding);
 - g) kepada mana-mana Pihak Keselamatan;
 - h) kepada mana-mana pengendali takaful yang diluluskan oleh Bank atau syarikat takaful lain (jika perlu) sekiranya sebarang permohonan perlindungan takaful dikemukakan oleh anda kepada pengendali takaful berkenaan;
 - i) bagi atau berhubung dengan apa-apa tindakan undang-undang, saman atau prosiding berkaitan dengan Kemudahan atau Sekuriti;
 - j) kepada mana-mana pihak ketiga, jika dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, peraturan atau undang-undang kecil;
 - k) kepada mana-mana pihak menurut apa-apa pengaturan, komposisi, penstrukturan semula atau apa-apa cadangan pengaturan, komposisi atau penstrukturan semula di antara pemiutang anda; atau
 - l) menurut mana-mana peruntukan undang-undang lain dan sapina (*subpoena*).
- 17.3 Penzahiran dokumen, rekod dan/atau maklumat tersebut hanya dibuat oleh Bank kepada pihak yang relevan untuk tujuan yang berkenaan dan atas dasar kerahsiaan.
- 17.4 Anda mengakui dan bersetuju bahawa kebenaran yang diberikan di bawah klausa ini adalah bagi maksud Seksyen 120 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618) (termasuk sebarang pindaan, penggantian atau pengubahsuaian selanjutnya), dan tiada kebenaran lanjut daripada anda diperlukan bagi maksud klausa ini.
- 17.5 Anda juga mengakui bahawa anda telah membaca terma Polisi Perlindungan Data Peribadi (PDP Policy) yang boleh diakses di laman sesawang Bank di www.agrobank.com.my.
- 17.6 Walau apa pun yang dinyatakan di atas, anda boleh pada bila-bila masa menarik balik atau membatalkan kebenaran tersebut secara bertulis selaras dengan Klausa 39 (Notis) melainkan jika penzahiran tersebut diperlukan bagi membolehkan Bank mematuhi sebarang keperluan undang-undang atau kontrak.
- 18. PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 (ACT 709)**
- 18.1 Dalam urusan anda dengan Bank, Bank mungkin meminta anda untuk memberikan data peribadi anda dan, jika berkenaan, data peribadi pekerja, ejen, pengarah, orang hubungan, pemegang saham, wakil, orang yang diberi kuasa dan butiran pegangan saham pemegang saham sebagaimana didedahkan oleh anda sebelum atau semasa pelaksanaan Dokumen Sekuriti bagi tujuan pelaksanaan kontrak, pemasaran, aktiviti perniagaan yang sah, pentadbiran dan kecekapan ekonomi.
- 18.2 Anda dengan ini menjamin kepada Bank bahawa anda telah mendapatkan, atau jika berkenaan akan mendapatkan, persetujuan daripada pekerja, ejen, pengarah, orang hubungan, pemegang saham, wakil dan orang yang diberi kuasa berhubung dengan pendedahan serta pemprosesan data peribadi mereka bagi tujuan yang dinyatakan di atas.
- 18.3 Anda bersetuju dan memberi kebenaran kepada Bank untuk memproses (sebagaimana ditakrifkan di bawah PDPA), termasuk memindahkan data peribadi anda kepada pihak luar lain di Malaysia dan di luar negara, termasuk pihak atau badan yang disenaraikan di bawah Klausa 22 di sini, bagi tujuan penyelenggaraan, penyimpanan dan pengekalan data peribadi anda, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, berhubung dengan permohonan anda bagi produk dan perkhidmatan serta seterusnya bagi melaksanakan perjanjian kontrak yang dimeterai di antara anda dan Bank.
- 18.4 Tanpa menjejaskan perkara di atas, anda boleh pada bila-bila masa menarik balik atau membatalkan kebenaran tersebut secara bertulis selaras dengan Klausa 39 (Notis), melainkan jika pendedahan tersebut adalah perlu bagi membolehkan Bank mematuhi sebarang keperluan undang-undang atau kontrak.
- 18.5 Anda bersetuju bahawa Bank, pekerja, wakil dan/atau ejen Bank boleh menghubungi anda dari semasa ke semasa melalui lawatan peribadi atau komunikasi lisan yang dibuat melalui apa-apa cara komunikasi termasuk panggilan telefon berhubung dengan promosi produk atau perkhidmatan, melainkan anda menyatakan bantahan secara bertulis.
- 18.6 Anda mengesahkan bahawa semua maklumat dan data peribadi yang dinyatakan dalam Perjanjian ini adalah benar, terkini dan tepat, dan sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada maklumat atau data peribadi tersebut, anda hendaklah segera memaklumkan Bank secara bertulis.
- 18.7 Anda mengakui bahawa anda telah membaca terma Polisi Perlindungan Data Peribadi (PDP Policy) yang boleh diakses di laman sesawang Bank di www.agrobank.com.my, dan jika perlu, anda telah mendapatkan bantuan serta penjelasan yang sewajarnya daripada Bank sebelum menerima transaksi ini. Anda bersetuju untuk mematuhi terma Polisi PDP tersebut serta sebarang pindaan atau variasi yang dibuat ke atas Polisi PDP dari semasa ke semasa.
- 19. HAK BANK UNTUK MENGGABUNG AKAUN DAN PENOLAKAN**
- 19.1 Bank berhak untuk menggabung, menyatukan atau mencantumkan mana-mana atau semua akaun anda serta liabiliti yang terhutang kepada Bank, dengan memberikan

anda notis awal tujuh (7) hari kalendar. Tindakan ini boleh diambil untuk membuat penolakan atau memindahkan sebarang amaun tertunggak yang dikreditkan ke dalam akaun tersebut bagi menyelesaikan apa-apa liabiliti yang anda berhutang kepada Bank (sama ada di bawah Kemudahan atau selainnya) dan/atau kepada syarikat-syarikat lain yang berafiliasi dengan Bank.

- 19.2 Pada masa yang sama, Bank boleh menanda (earmark) dana yang tersedia dalam akaun anda untuk menyelesaikan baki tertunggak kemudahan tersebut selepas mengeluarkan notis.

20. ANTI-PENGUBAHAN WANG HARAM

- 20.1 Anda hendaklah memastikan pada setiap masa bahawa tiada dana yang keluar masuk ke Akaun Simpanan dan/atau AGA-i anda merupakan hasil daripada, atau akan digunakan bagi apa-apa aktiviti menyalahi undang-undang yang bercanggah dengan mana-mana Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram.
- 20.2 Anda berjanji bahawa anda tidak akan: -
- a) menggunakan Akaun Simpanan dan/atau AGA-i anda, secara langsung atau tidak langsung, bagi transaksi yang melibatkan sebarang aktiviti menyalahi undang-undang;
 - b) menyembunyikan atau menyamarkan sifat sebenar mana-mana aktiviti menyalahi undang-undang; atau
 - c) menggunakan sebarang wang daripada Akaun Simpanan dan/atau AGA-i anda untuk tujuan pengubahan wang haram atau tujuan menyalahi undang-undang yang lain.

21. FORCE MAJEURE

- 22.1 Mana-mana Pihak yang terjejas oleh apa-apa peristiwa Force Majeure ("Pihak Terjejas") hendaklah memaklumkan pihak yang satu lagi secepat mungkin secara bertulis tentang kejadian dan butiran apa-apa hal, kejadian, peristiwa atau keadaan yang menimbulkan Force Majeure, cara dan tempoh Force Majeure tersebut berkemungkinan menjejaskan pelaksanaannya serta langkah-langkah yang ingin diambil untuk mengatasi atau mengurangkan kesan peristiwa atau keadaan tersebut.
- 22.2 Jika dipersetujui oleh Para Pihak bahawa kelewatan atau kegagalan Pihak Terjejas untuk melaksanakan obligasinya adalah disebabkan atau dijangka disebabkan oleh peristiwa Force Majeure, pelaksanaan obligasi Pihak Terjejas hendaklah digantung sepanjang tempoh yang dipersetujui oleh Para Pihak secara bertulis; dalam keadaan sedemikian, Pihak Terjejas tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kegagalan melaksanakan obligasinya menurut Terma & Syarat ini.
- 22.3 Pihak Terjejas hendaklah memaklumkan pihak yang satu lagi secara bertulis sepanjang tempoh Force Majeure berterusan mengenai langkah-langkah yang diambilnya menurut **Klausula 21.1** di atas serta sebarang perubahan pandangan tentang bagaimana peristiwa Force Majeure tersebut berkemungkinan menjejaskan pelaksanaannya atau tempoh masa ia dijangka menjejaskan pelaksanaannya.
- 22.4 Jika kelewatan atau kegagalan Pihak Terjejas untuk melaksanakan obligasinya akibat Force Majeure melebihi tempoh yang dipersetujui oleh Para Pihak menurut **Klausula 21.1** di atas, pihak yang satu lagi berhak untuk

menggantung lanjut Perkhidmatan bagi tempoh yang akan dipersetujui bersama secara bertulis.

- 22.5 Pihak Terjejas hendaklah memaklumkan pihak yang satu lagi secara bertulis sebaik sahaja Force Majeure tersebut tidak lagi menghalangnya daripada memenuhi obligasinya.

- 22.6 Bagi maksud Terma & Syarat ini, "Force Majeure" bermaksud sebarang tindakan, peninggalan atau keadaan yang dirujuk oleh mana-mana Pihak dalam Terma & Syarat ini sebagai suatu peristiwa Force Majeure dan yang berada di luar kawalan munasabah pihak tersebut, yang bagi maksud Terma & Syarat ini dihadkan hanya kepada peristiwa-peristiwa berikut:

- a) Letupan nuklear, letupan, kilat, kebakaran, ribut, taufan, banjir, tanah runtuh, gegaran bumi, keganasan, rusuhan, kekacauan, huru-hara awam, peperangan, bencana, bencana alam, halangan oleh peraturan kerajaan, pertikaian industri, wabak dan peningkatan wabak atau pandemik termasuk tetapi tidak terhad kepada COVID-19, SARS, EBOLA, atau penyakit lain yang seumpamanya, yang menjejaskan pelaksanaan Perkhidmatan.

- 22.7 Untuk mengelakkan sebarang keraguan, peristiwa Force Majeure yang dinyatakan di atas tidak termasuk kemerosotan ekonomi, kekurangan dana, atau kesukaran kewangan mana-mana Pihak dalam melaksanakan obligasinya di bawah Terma & Syarat ini.

22. LAIN-LAIN PERKARA

- 23.1 Terma & Syarat ini adalah tidak menyeluruh. Bank berhak untuk menambah, meminda dan memadam mana-mana peruntukan dalam Terma & Syarat ini. Sebarang tambahan, pindaan atau pemadaman tersebut adalah mengikat anda dan dianggap telah dimaklumkan kepada anda melalui paparan di Bank dan di mana-mana cawangannya dan/atau diiklankan melalui apa-apa cara lain yang Bank anggap sesuai serta tidak bercanggah dengan prinsip Syariah dengan pemberian notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh kuat kuasa. Semua Terma & Syarat terdahulu adalah terbatal dan digantikan sepenuhnya dengan Terma & Syarat ini.
- 23.2 Jika terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan di antara Terma & Syarat ini dan mana-mana risalah pemasaran atau bahan promosi yang berkaitan dengan kempen atau promosi, maka Terma & Syarat ini akan mengatasi.
- 23.3 Terma & Syarat ini diterbitkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, maka versi Bahasa Malaysia akan mengatasi.
- 23.4 Untuk maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, sila kunjungi mana-mana cawangan Agrobank berdekatan dengan mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau hubungi kami di:
- i. Pusat Panggilan di 1-300-88-2476
 - ii. Laman web korporat di www.agrobank.com.my.

23. KETERPISAHAN

- 24.1 Mana-mana terma, syarat, ketetapan, peruntukan, ikatan atau aku janji yang terkandung di dalam Terma dan Syarat ini yang adalah menyalahi undang-undang, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan hendaklah menjadi tidak berkuat kuasa setakat mana ia menyalahi undang-undang, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut tanpa menjejaskan kesahihan peruntukan lain yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini. Sebarang perkara yang menyalahi undang-undang, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut juga tidak akan membatalkan atau menjadikan tidak sah, terbatal atau tidak boleh dikuatkuasakan mana-mana terma, syarat, ketetapan,

peruntukan, ikatan atau aku janji dalam peruntukan lain di dalam Terma dan Syarat ini.

24. PEMATUHAN SYARIAH

- 25.1 Walau apa pun peruntukan yang bercanggah, pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa semua aktiviti dan peruntukan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini adalah mematuhi Syariah.

25. PENGGANTI YANG MENGIKAT

- 26.1 Terma dan Syarat ini adalah mengikat serta boleh dikuatkuasakan ke atas pengganti hak milik dan penerima serah hak yang sah bagi Para Pihak di dalamnya.

NOTIS: Pulangan bagi Akaun AgroGold Account-i (“AGA-i”) adalah tertakluk kepada turun naik harga emas. Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami produk ini sebelum membuat sebarang transaksi.